

11 APR 1996

Affifuddin - Perwaja

KAKITANGAN PERWAJA TIDAK HARUS BIMBANG

KUANTAN, 11 April (Bernama) -- Kakitangan Perwaja Terengganu Sdn Bhd (Perwaja) tidak harus terlalu bimbang berhubung keadaan yang dialami Perwaja sekarang kerana kerajaan sedang berusaha menanganinya.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar hari ini berkata kerajaan sudah mengambil beberapa langkah awal seperti melantik syarikat audit Price Waterhouse bagi menyiasat pengurusan Perwaja.

"Kerajaan juga akan berusaha menyelamatkan dan memulihkan Perwaja seperti yang dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini," katanya kepada pemberita selepas menutup seminar sehari "Cabaran Usahawan Menjelang Abad ke-21" yang disertai kira-kira 100 anggota Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) di sini.

Affifuddin berkata kakitangan Perwaja tidak harus terlalu bimbang mengenai perkara itu dan kerajaan akan menjaga kepentingan para pekerja.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Dewan Rakyat Isnin lepas bahawa siasatan awal Price Waterhouse mendapati wujud unsur penipuan dan penyelewengan dalam pengurusan Perwaja sehingga ia menanggung kerugian terkumpul RM2,500 juta.

Terdahulu dalam ucapannya Affifuddin berkata Perhebat mesti bersedia dari sekarang untuk mengorak langkah bagi menceburi bidang-bidang perniagaan yang besar dengan mengikuti contoh kejayaan Syarikat Bekas Anggota Tentera Taiwan (Retsar) yang berjaya dalam bidang pembinaan prasarana termasuk membina sebahagian lebuhraya utara selatan di negara ini.

Katanya, Perhebat dengan bantuan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Perwira Affin Bank harus mempunyai wawasan seumpama itu dan merancang usaha ke arah itu dengan baik.

Kerajaan boleh membantu dengan menyediakan tenaga kepakaran, katanya.

Perhebat yang diwujudkan September 1994 sehingga kini sudah mengenalpasti beberapa bidang termasuk memberikan latihan penyajian makanan untuk anggota-anggotanya yang membolehkan mereka menyajikan makanan di hotel bertaraf antabangsa, katanya.

Perhebat juga harus mewujudkan dana untuk membantu anak-anak anggota yang belajar di institusi pengajian tinggi, tambah beliau. -- Bernama.

AZ ZAB